

26 JUN 1996
Felcra-Koperasi
PM LANCAR BERAS JENAMA "PERDANA RIA" BULAN DEPAN

SEBERANG PERAK, 26 Jun (Bernama) -- Kesemua rancangan pembangunan tanah Felcra dijangka dibekalkan beras jenama "Perdana Ria" yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Julai ini.

Beras itu, yang dihasilkan oleh Felcra Seberang Perak, akan dibungkus dan diedarkan oleh Koperasi Peserta Rancangan (KPR) Felcra itu sendiri.

Pengurus Besarnya Meor Shahrin Meor Yusof memberitahu Bernama di sini hari ini, kilang pengampitan beras KPR itu yang sedang dalam pengubahsuaian mampu memproses antara 250 metrik tan dan 300 metrik tan beras sebulan.

KPR Seberang Perak, yang bermatlamat menguasai sekurang-kurangnya 50 peratus pemasaran beras di kawasan itu, berharap dapat menjadi pengedar utama beras kepada KPR tanah rancangan Felcra di seluruh negara, katanya.

Beliau berkata pada masa ini Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) membeli kira-kira 24,000 metrik tan padi semusim daripada estet padi Felcra di Seberang Perak dan setelah diproses, sebahagian beras itu dijual kepada KPR Felcra Seberang Perak.

Meor Shahrin berkata, beras Perdana Ria, yang dikampit dalam saiz lima kilogram, 10 kg dan 18 kg, akan dijual dengan harga yang terendah pernah dijual oleh swasta selepas Bernas.

Selain membabitkan diri dalam pemasaran beras, KPR Felcra Seberang Perak yang ditubuhkan pada tahun 1986 juga terlibat dalam pengurusan D'Lambaian Resorts di Pengkalan Hulu milik kerajaan negeri Perak.

Meor Shahrin berkata mereka diberikan kontrak mengurus rumah rehat dan chalet yang dibangunkan oleh Majlis Daerah Gerik untuk tempoh lima tahun.

Koperasi itu juga mempelopori penubuhan Konsortium KPR Felcra Perak Tengah yang terlibat dalam menjalankan kerja-kerja lanskap bernilai RM1 juta di daerah Perak Tengah, katanya.

Beliau berkata KPR Felcra Seberang Perak yang bermula dengan modal sebanyak RM10,388 oleh 498 peserta kini mempertingkatkan modal saham kepada RM1.2 juta dengan jumlah peserta meningkat kepada 1,775 orang, termasuk peserta rancangan dan keluarga mereka.

Koperasi itu mencatatkan keuntungan RM1.1 juta melalui urusniaga bernilai lebih RM10 juta pada tahun lepas, katanya.

Meor Shahrin berkata selain pengampitan dan pengedaran beras, aktiviti pertanian masih menjadi sumber utama koperasi seperti kerja-kerja merata tanah, membajak, menuai, mengambil tender Felcra menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembangunan pertanian di kawasan pembangunan bersepadu itu.

KPR Seberang Perak juga mendapat tender daripada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membersihkan parit dan saluran, mengangkut buah kelapa sawit dari ladang ke kilang dan mengangkut beras ke gudang Bernas, katanya.

Beliau berkata KPR itu juga menjalankan aktiviti perkhidmatan seperti perniagaan pasar mini, stesen minyak, menjadi ejen insurans, membekal racun, baja dan alat pertanian.

Katanya koperasi itu kini mula menceburi bidang hartanah melalui pembelian tanah seluas 20 hektar bernilai RM100,000 di Tanjung Tualang untuk ditanam dengan pokok jati.

Kerajaan negeri juga baru-baru ini meluluskan kawasan seluas 20 hektar di Seberang Perak untuk pembinaan 850 unit rumah pelbagai jenis berserta dua hektar lagi untuk pembangunan kilang Industri Kecil dan Sederhana untuk dibangunkan oleh koperasi itu, kata beliau.

Koperasi itu juga telah mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri

untuk membangunkan kawasan seluas 120 hektar di Batang Padang dan lapan hektar di Kinta dengan tanaman kelapa sawit, katanya.

Meor Shahrin berkata, KPR yang diurus sepenuhnya oleh peserta dan anak peserta rancangan itu telah memenangi beberapa anugerah seperti Anugerah KPR Rancangan Felcra Terbaik peringkat kebangsaan (1987), Koperator Terbaik Peringkat Negeri dan tempat ketiga peringkat kebangsaan (1993), Koperasi Terbaik (Desa) anjuran Angkasa (1993), Anugerah projek yang berdaya maju dilaksanakan di Perak (1994) dan Koperasi Terbaik (Desa) anjuran Angkasa peringkat kebangsaan (1995).

-- BERNAMA

LAT AKD